PP

lwn.

BURHANUDDIN BENJAMIL

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
GHAZALI CHA H
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45-82-2005]
16 SEPTEMBER 2009

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B(1)(a) - Mengedar cannabis - OKT membuang beg plastik yang mengandungi dadah dan cuba melarikan diri apabila ternampak polis - OKT ditahan selepas pergelutan - Sama ada mempunyai milikan eksklusif terhadap dadah - Sama ada pengetahuan dapat dibuktikan daripada inferens keadaan sekeliling serta tingkah-laku tertuduh sebelum ditangkap - Elemen pemilikan dan pengetahuan terbukti - Sama ada pendakwaan membuktikan kes melampaui keraguan munasabah - Pembelaan gagal menyangkal anggapan pengedaran di bawah s. 37(da)*

Pada 10 Mac 2004, semasa C/Inspektor Haslah (SP4) bersama SP6 dan anggota polis lain sedang membuat pemerhatian, OKT telah dinampak berjalan di tempat tersebut sambil membimbit beg plastik warna putih (P16). Seorang lelaki bernama Rosman berjalan 2 meter di belakang OKT. Apabila SP4, SP6 dan anggota polis lain menghampiri OKT dan memperkenalkan diri sebagai polis, OKT telah melepaskan P16 ke atas jalan raya dan telah cuba melarikan diri. OKT berjaya ditahan selepas pergelutan. P16 telah didapati mengandungi 2060.2 gram cannabis. Tertuduh telah dituduh di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ("Akta"), kerana didapati mengedar dadah berbahaya iaitu 2,060.2 gram cannabis. Dalam pembelaannya, tertuduh mengatakan, *inter alia*: bahawa P16 adalah kepunyaan kawannya bernama Rosman dan bahawa Rosman telah memintanya membawa P16; bahawa dia tidak tahu mengenai kandungan P16; bahawa dia cuba melarikan diri semasa ditahan oleh polis kerana dia menyangka yang mereka itu perompak; bahawa dia juga takut sebab tiada dokumen perjalanan yang sah; bahawa apabila dia melihat Rosman berlari, dia pun berlari dan membuang P16 untuk menyelamatkan diri; dan bahawa dia telah membuang P16 setelah disuruh oleh Rosman.

Diputuskan (disabitkan dan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati):

(1) Keterangan SP4 dan SP6 adalah cukup untuk melepaskan beban pihak pendakwaan. Dengan ketiadaan keterangan yang berlawanan dan kemungkinan-kemungkinan lain, keterangan SP4 dan SP6 diterima sebagai keterangan yang benar dan boleh dipercayai dan diterima. Pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan bahawa tertuduh mempunyai pemilikan sebenarnya ke atas dadah tersebut. (perenggan 15 & 16)

(2) Pengetahuan mengenai dadah adalah satu perkara yang tidak boleh dibuktikan melalui keterangan secara langsung, tetapi dengan satu inferens dengan melihat kepada keadaan-keadaan sekeliling serta tingkah-laku dan tindak-tanduk tertuduh sebelum ditangkap. Tertuduh telah cuba melarikan diri setelah melepaskan P16 dan setelah diperkenalkan diri oleh SP4 dan SP6. Jumlah dadah yang ditemui daripada P16 iaitu 2,060.2 gram akan mengeluarkan bau. Fakta-fakta ini bila di ambil secara kumulatif membuktikan bahawa tertuduh sememangnya mempunyai pengetahuan mengenai jenis barang yang beliau bawa pada malam itu, iaitu dadah berbahaya. Oleh itu elemen pemilikan dan pengetahuan telah dibuktikan. (perenggan 17, 18 & 19)

(3) Tertuduh dituduh mengedar dadah jenis cannabis seberat 2,060.2 gram dan bergantung kepada keterangan langsung dan mengikut keadaan menurut s. 37(da) Akta, tertuduh didapati mengedar dadah tersebut. Pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes melampaui keraguan munasabah ke atas tertuduh. (perenggan 20 & 22)

(4) Versi tertuduh mengenai apa yang sebenarnya berlaku, telah tidak diajukan kepada saksi-saksi pendakwaan. Versi tertuduh tidak munasabah dan tidak logik kerana ia adalah semata-mata satu keterangan "after thought" dan rekaan tertuduh semata-mata. "Demeanour" beliau sebagai seorang "truthful witness" diragui oleh mahkamah. Versi tertuduh telah gagal untuk menimbulkan satu keraguan yang munasabah dan menyangkal anggapan di bawah s. 37(da) Akta. (perenggan 44, 45 & 52)

(5) Mengenai Rosman, walaupun telah dibuktikan bahawa pada malam itu beliau telah turut ditangkap bersama-sama tertuduh akan tetapi tiada keterangan yang menunjukkan bahawa beliau memiliki dadah tersebut. P16 pada masa serbuan jelas dibawa oleh tertuduh dan ini tidak dipertikaikan oleh pihak pembelaan. (perenggan 47)

Kes-kes yang dirujuk:
Abdullah Zawawi Yusof v. PP [1993] 4 CLJ 1 SC ***(dirujuk)***
Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(dirujuk)***
Chan Pean Leon v. PP [1956] MLJ 237 ***(dirujuk)***
Dato' Mokhtar Hashim v. PP [1983] 2 MLJ 233 ***(dirujuk)***
Emmanuel Yaw Teiku v. PP [2006] 3 CLJ 597 FC ***(dirujuk)***
Gunalan Ramachandra v. PP [2004] 4 CLJ 551 CA ***(dirujuk)***
K Gopala Reddu v. State of Andhra Pradesh [1979] SCO (CR) 310 ***(dirujuk)***
Koh Chai Cheng v. PP [1980] 1 LNS 181 ***(dirujuk)***
Leow Nghee Lim v. Reg [1956] MLJ 22 ***(dirujuk)***
Looi Kow Chai & Anor v. PP [2003] 1 CLJ 734 CA ***(dirujuk)***
Mat v. PP [1963] 29 MLJ 263 ***(dirujuk)***
Megat Halim Megat Omar v. PP [2009] 1 CLJ 154 CA ***(dirujuk)***
Mohammad Radhi Yaakob v. PP [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311 SC ***(dirujuk)***
Mohd Bakri Belaho v. PP [2008] 2 CLJ 240 CA ***(dirujuk)***
Nagappan Kuppusamy v. PP [1982] 2 MLJ 53 ***(dirujuk)***
Ong Ah Chuan v. PP [1981] 1 MLJ 64 ***(dirujuk)***
Parlan Dadeh v. PP [2009] 1 CLJ 717 FC ***(dirujuk)***
PP v. Abdul Latif Sakimin [2005] 6 MLJ 351 ***(dirujuk)***
PP v. Chia Leong Foo [2000] 4 CLJ 649 HC ***(dirujuk)***
PP v. Lin Lian Chen [1992] 4 CLJ 2086; [1992] 1 CLJ (Rep) 285 SC ***(dirujuk)***
PP v. Low Say Seek & Ors [1971] 1 MLJ 199 ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Farid Mohd Sukis & Anor [2003] 3 MLJ 401 ***(dirujuk)***
PP v. Teh Eng Wah [1999] 8 CLJ 451 HC ***(dirujuk)***
Reza Mohd Shah Ahmad Shah v. PP [2005] 4 CLJ 581 CA ***(dirujuk)***
Saad Ibrahim v. PP [1968] 1 MLJ 158 ***(dirujuk)***
Saminathan v. PP [1955] 21 MLJ 121 ***(dirujuk)***
Shanmugam v. PP [1963] 29 MLJ 125 ***(dirujuk)***
Wong Chooi v. PP [1967] 2 MLJ 180 ***(dirujuk)***
Yau Heng Fang v. PP [1985] 2 CLJ 22; [1985] CLJ (Rep) 350 SC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 112, 180, 396
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 37(da), 39B(1)
Evidence Act 1950, s. 32(9)(1)

Bagi pihak tertuduh - Amer Hamzah Arshad; T/n Zain & Co
Bagi pihak PP - Geethan Ram Vincent TPR

Dilaporkan oleh Amutha Suppayah

PENGHAKIMAN

Ghazali Cha H:

[1] Tertuduh telah dituduh di bawah s. 39B Akta Dadah Berbahaya 1952, kerana didapati mengedar dadah berbahaya iaitu 2,060.2 gram cannabis pada 10 Mac 2004 jam lebih kurang 11.30 malam. Pertuduhan dibacakan seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 10.3.2004, kira-kira jam 11.30 malam; di Jalan 26/154, Cheras, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mengedar dadah berbahaya, iaitu cannabis seberat 2,060.2 gram dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) Akta yang sama.

Fakta-Fakta Kes

[2] Berdasarkan keterangan-keterangan saksi-saksi yang telah diberikan secara bersumpah di mahkamah, secara ringkasnya fakta-fakta kes ini adalah seperti berikut:

(a) Pada 10 Mac 2004 jam lebih kurang 11 malam, pengadu C/Inspektor Haslah bt. Bachok SP4 bersama sepasukan polis dari JSJN, IPK, Kuala Lumpur telah menjalankan pemerhatian di tepi Jalan 26/154, Cheras, Kuala Lumpur. SP4 berada di dalam kereta di mana SP4 duduk di tempat duduk penumpang hadapan sementara 3 anggota lain termasuk SP6 turut berada di dalam kereta tersebut.

(b) Ketika menjalankan pemerhatian, pada jam lebih kurang 11.30 malam, SP4 telah nampak OKT berjalan menghala ke tepi jalan di tempat tersebut. OKT berjalan sambil membimbit satu beg plastik warna putih (P16) di tangan kanannya. Ketika OKT berjalan, seorang lelaki bernama Rosman Abdullah berjalan 2 meter di belakang OKT.

(c) SP4, SP6 dan dua anggota telah keluar dari kereta dan menghampiri OKT. SP4 telah memperkenalkan diri sebagai polis dengan menunjukkan kad kuasa dan pada masa tersebut SP4 dan SP6 mengesahkan bahawa OKT telah melepaskan P16 ke atas jalan raya dan OKT telah cuba melarikan diri.

(d) SP4, SP6 dan L/Kpl. Zamzuri Ainul Musli telah berjaya menahan OKT selepas berlaku pergelutan. SP4 dan SP6 mengesahkan bahawa OKT bertindak agresif dan meronta-ronta untuk melepaskan diri.

(e) SP4 telah mengambil P16 dan menjalankan pemeriksaan. Hasil pemeriksaan, SP4 mendapati ia mengandungi dua ketulan mampat daun-daun kering (P10-P11) yang dibalut dengan kerajang aluminium dan plastik lutsinar.

(f) SP4 telah merampas barang kes tersebut dan menangkap OKT dan Rosman untuk tindakan selanjutnya.

(g) Barang kes tersebut telah dihantar ke Jabatan Kimia Petaling Jaya untuk dianalisa dan telah disahkan oleh Ahli Kimia Abdul Rahim bin Shadan SP3 sebagai 2060.2 gram cannabis. (Laporan Kimia P17).

Pihak pendakwaan juga telah mengemukakan keterangan-keterangan bagi menunjukkan bahawa tiadanya pecahan terhadap rantaian keterangan berhubung dengan barang kes atau dadah tersebut melalui saksi-saksi mereka

[3] Beban Pembuktian

(a) Pertamanya saya merujuk kepada s. 180 Kanun Acara Jenayah yang memperuntukkan berikut:

> Procedure after conclusion of case for prosecution.
>
> i) When the case for prosecution is concluded, the court shall consider whether the prosecution has made out a *prima facie* case against the accused.
>
> ii) If the court finds that the prosecution has not made out a *prima facie* case against the accused, the court shall record and order of acquittal.
>
> iii) If the Court finds that a *prima facie* case has been made out against the accused on the offence charged the Court shall call upon the accused to enter on his defence.

A iv) For the purpose of this section a *prima facie* case is made out against the accused where the prosecution has adduced credible evidence proving each ingredient of the offence which if unrebutted or unexplained would warrant a conviction.

B (b) Kes *Looi Kow Chai & Anor v. PP* [2003] 1 CLJ 734, YA Gopal Sri Ram JCA (pada masa itu) berkata:

> It therefore follows that there is only one exercise that a judge sitting alone under s. 180 of the Code has to
C undertake at the close of the prosecution case. He must subject the prosecution evidence to maximum evaluation and ask himself the question: If I decide to call upon the accused to enter his defence and he elects to remain silent, am I prepared to convict him on the totality of the evidence contained in the prosecution case?.

D Rujuk juga kepada kes *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85 Mahkamah Persekutuan:

> The test at the close of the case for the prosecution would therefore be: Is the evidence sufficient to convict the accused if
E he elects to remain silent?. If the answer is in affirmative then a *prima facie* case has been made out. This must, as of necessity, require a consideration of the existence of any reasonable doubt in the case for the prosecution. If there is any such doubt: there can be no *prima facie* case. As the accused can be convicted on
F the *prima facie* or it must have reached a standard which is capable of supporting a conviction ...

[4] Untuk membuktikan kes *prima facie* terhadap tertuduh pihak pendakwaan hendaklah menjelaskan melalui keterangan-keterangan saksi mereka bahawa tertuduh pada masa, tempat dan tarikh yang
G dlsebutkan di dalam pertuduhan telah melakukan perbuatan mengedar 2,060 gram dadah jenis "cannabis" dan membuktikan elemen-elemen yang diperuntukan di bawah Akta Dadah Berbahaya iaitu tertuduh mampunyai pemilikan ke atas dadah tersebut pada masa kejadian dan keduanya tertuduh telah dengan
H secara sendirinya mengedar dadah berbahaya tersebut.

[5] Maka adalah tugas mahkamah untuk menilai dan meneliti semua keterangan yang telah dikemukakan oleh tujuh orang saksi pendakwaan dan seterusnya memutuskan sama ada pihak
I pendakwa telah membuktikan kes mereka melampaui keraguan yang munasabah dan sekiranya tidak dipatahkan tertuduh boleh disabitkan atas kesalahan yang dipertuduhkan ke atasnya.

[6] Merujuk kepada fakta-fakta kes, saya akan menilai sama ada elemen pemilikan atas barang kes itu telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan seperti berikut:

(i) Melalui keterangan SP4 dan disokong oleh SP6 mereka telah melihat tertuduh membimbit barang kes iaitu P16 dengan tangan kanannya melintas jalan besar dan menuju ke tepi jalan. Apabila SP4 dan SP6 menghampirinya dan memperkenalkan dirinya sebagai polis tertuduh telah melepaskan P16 ke atas jalan dan cuba melarikan diri.

(ii) P16 setelah dibuka mengandungi P10 dan P11.

Kedua-dua keterangan menurut Timbalan Pendakwa Raya. Adalah keterangan yang cukup jelas bagi menunjukkan pemilikan fizikal tertuduh ke atas dadah tersebut, dan tertuduh menurut beliau mempunyai milikan terhadap dadah tersebut. Hujah beliau lagi tertuduh membawa barang kes tersebut dengan penuh kesedaran dan berhujah "it is clear that the accuse was exercising dominion over the drugs at all material times".

[7] Menurut Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana lagi keterangan-keterangan secara langsung ini telah disokong pula oleh oleh kelakuan tertuduh yang membolehkan mahkamah membuat inferen berkenaan dengan pengetahuan tertuduh terhadap barang kes itu, di antara perlakuan-perlakuan tersebut adalah:

(a) Tertuduh telah cuba melarikan diri apabila diperkenalkan diri oleh SP4 dan SP6, dan berlaku satu pergelutan untuk menangkap tertuduh. Ini menurut Timbalan Pendakwa Raya "is not consistent with the actions of an innocent person".

(b) Tertuduh sendiri telah mengalami kecederaan di dalam percubaan melarikan diri itu dan ia adalah "are consistent with the actions of a guilty person who wants to resist arrest. He was resisting arrest as he had reason to do so".

(c) Tertuduh dalam keadaan ketakutan semasa ditahan.

(d) Dadah ganja seberat 2,060.2 gram itu mengeluarkan bau yang agak kuat dan TPR berhujah mahkamah patut mengambil "judicial notice" atas perkara ini. Dalam keadaan bau sebegitu mustahil tertuduh tidak dapat mengetahuinya.

(e) Kuantiti dadah yang banyak menurut TPR (2,060.2 gram) sudah pasti tertuduh mengetahui isi kandungannya.

[8] Berdasarkan kepada fakta-fakta ini menurut TPR yang bijaksana adalah jelas bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan bahawa tertuduh mempunyai pemilikan yang ekslusif terhadap dadah tersebut dan mempunyai pengetahuan bahawa beliau sedang membawa dadah berbahaya.

[9] Di dalam membalas hujah di atas peguambela berhujah pergantungan pihak pendakwaan semata-mata kepada keterangan SP4 dan SP6 adalah longgar ini kerana:

(a) Tempoh masa kedua-dua saksi melihat tertuduh membimbit beg plastik putih eks. P16 adalah 15 saat dan mereka tidak melihat apa yang berlaku sebelumnya.

(b) Tiada keterangan membuktikan beg tersebut milik tertuduh sebab tiada barang peribadi tertuduh ditemui di dalamnya.

(c) Keterangan bahawa kehadiran seorang bernama Rosman perlulah dipertimbangkan sebab perkara ini telah dibangkitkan oleh pembelaan dan disoal kepada saksi-saksi pendakwaan; bagaimanapun menurut peguambela Rosman telah gagal dipanggil sebagai saksi.

(d) Ujian cap jari yang dilakukan juga adalah negative terhadap tertuduh (eks. P22).

(e) Tiada ujian dibuat terhadap pakaian yang dipakai oleh tertuduh pada masa kejadian.

(f) Elemen pengetahuan tidak dibuktikan kerana ketulan itu dibalut dengan aluminium foil, bukannya plastik lutsinar walaupun ada kesan potongan pada setiap ketulan itu tidak bermakna tertuduh mengetahui isi kandungannya.

(g) Inferen tidak boleh membuktikan pengetahuan kerana terdapat inferen lain yang boleh memihak kepada tertuduh.

(h) Peguambela menghujahkan bahawa fakta kegagalan memanggil Rosman telah memprejudiskan rertuduh, sebab ia adalah saksi penting.

(i) Kegagalan pendakwa untuk mengambil sampel kuku tertuduh sepertimana yang pernah ditimbulkan di dalam kes *PP v. Lin Lian Chen* [1992] 4 CLJ 2086; [1992] 1 CLJ (Rep) 285.

(j) Tiada pembuktian mengenai *mens rea* possession ke atas barang kes itu beliau merujuk kepada kes *Saad Ibrahim v. PP* [1967] 1 LNS 154, iaitu pembuktian bahawa tertuduh mengetahui sifat beg yang berada di dalam pemilikannya.

Penemuan Mahkamah

[10] Menurut peruntukan undang-undang yang mantap, pemilikan hendaklah dibuktikan dengan keterangan yang menyakinkan, boleh dipercayai dan diterima, bukannya timbul daripada anggapan perundangan sahaja. Saya merujuk kepada kes *Chan Pean Leon v. PP* [1956] 1 LNS 17 di mana Thomson J berkata:

> To establish possession for the purposes of criminal law, two separate questions are involved. The first is whether the accused party was in possession of the article in question and the second, by reason of the application of the *maxim actus non facit reum nisi mens sit rea*, is whether he had knowledge of the thing possessed.

Di dalam kes *Leow Nghee Lim v. Reg* [1955] 1 LNS 53 Taylor J pula berkata di ms 30 seperti berikut:

> Probably the most helpful definition of possession is, "The relation of a person to a thing over which he may at his pleasure exercise such control as the character of the thing admits, to the exclusion of other persons". This definition does not express, but it does imply that the meaning of the word includes some element of knowledge.

[11] Dari petikan di atas jelas bahawa pemilikan merangkumi elemen kawalan secara fizikal dan juga elemen pengetahuan, maka pengetahuan merupakan satu ingredient penting mengenai pemilikan di bawah s. 37(da) Akta. Pemilikan adalah memerlukan kepada elemen pengetahuan, dan tanpa pengetahuan pemilikan dikatakan tidak dibuktikan di bawah Akta. Bagaimanapun elemen pengetahuan itu tidak boleh dibuktikan dengan keterangan yang langsung, oleh kerana itu ia hanya boleh dibuktikan secara inferen kepada keadaan sekeliling, maka fakta-fakta kes hendaklah diteliti dan dihalusi bagi menimbulkan inferen ini.

[12] Melalui keterangan SP4 dan SP6 adalah mengatakan bahawa pada masa beliau membuat pemerhatian di tempat kejadian, tertuduh telah kelihatan melintas jalan dengan membimbit eks. P16, apabila diperkenalkan diri oleh SP4 tertuduh telah melarikan diri, dan berjaya ditangkap kemudiannya selepas berlaku pergelutan.

[13] Dalam keadaan ini walaupun tiada keterangan mengenai apa yang berlaku sebelumnya dan tiada keterangan tertuduh ada membuka, barang kes semasa melintas jalan, masa yang singkat, tiada barang-barang pengenalan diri tertuduh adalah tidak relevan, memandangkan keterangan di atas adalah di dalam beg itu keterangan secara langsung menunjukkan tertuduh membimbit eks. P16 yang mengandungi eks. P10 dan P11 iaitu dadah berbahaya.

[14] Ekshibit P10 dan P11 telah disahkan melalui keterangan SP3 adalah dadah berbahaya menurut tafsiran s. 2 Akta Dadah Berbahaya dan seberat 2,060.2 gram (ekh. P17). (Rujuk kes *Gunalan Ramachandran & Ors v. PP* [2004] 4 CLJ 551).

[15] Mengenai isu Rosman, iaitu individu yang dikatakan berjalan mengekori tertuduh daripada belakang, adakah dengan tidak memanggilnya sebagai saksi pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap tertuduh? Adalah undang-undang yang mantap bahawa "an adverse inference" tidak terpakai bilamana pihak pendakwaan telah melepaskan beban pembuktian yang berada di atas mereka. Saya merujuk kepada keterangan saksi SP4 dan SP6 dan saya berpendapat keterangan kedua-dua saksi ini adalah cukup untuk melepaskan beban yang berada di atas bahu pihak pendakwaan.

(Rujuk kes *PP v. Chia Leong Foo* [2000] 4 CLJ 649 dan kes *Mohd Bakri Belaho v. PP* [2008] 2 CLJ 240 (Mahkamah Rayuan).

[16] Oleh itu dengan ketiadaan keterangan yang berlawanan dan kemungkinan-kemungkinan lain saya telah menerima keterangan-keterangan SP4 dan SP6 di atas sebagai keterangan yang benar dan boleh dipercayai dan diterima. Seterusnya saya berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan bahawa tertuduh mempunyai pemilikan sebenarnya ke atas dadah tersebut.

[17] Mengenai isu pengetahuan mengenai dadah yang beliau bawa pada malam itu? Pengetahuan adalah satu perkara yang tidak boleh dibuktikan melalui keterangan secara langsung, tetapi dengan satu inferen dengan melihat kepada keadaan-keadaan sekeliling serta tingkah-laku dan tindak-tanduk tertuduh sebelum ditangkap, rujuk kes-kes;

a) *PP v. Mohd Farid bin Mohd Sukis & Anor* [2002] 8 CLJ 814,

b) *Abdullah Zawawi bin Yusof v. PP* [1993] 4 CLJ 1.

c) *Reza Mohd Shah Ahmad Shah v. PP* [2005] 4 CLJ 581.

d) *Parlan Dadeh v. PP* [2009] 1 CLJ 717.

e) *PP v. Chia Leong Foo* [2000] 4 CLJ 649.

f) *Emmanuel Yaw Teiku v. PP* [2006] 3 CLJ 597.

[18] Walaupun ada di antara kes di atas inferen berpihak kepada tertuduh akan tetapi ia boleh dibezakan dengan kes ini atas alasan-alasan berikut:

(a) Tertuduh telah cuba melarikan diri setelah melepaskan eks. P16 dan setelah diperkenalkan diri oleh SP4 dan SP6.

(b) Tertuduh telah melepaskan barang kes P16 untuk memisahkan beliau dengan dadah tersebut supaya tidak dikatakan membawa dan mengedar dadah.

(c) Jumlah dadah yang ditemui daripada eks. P16 adalah seberat 2,060.2 gram, ia adalah berat dan saya bersetuju ia akan mengeluarkan bau sepertimana hujah Timbalan Pendakwa Raya.

(d) Terdapat keratan pada setiap ketulan yang boleh dilihat dan dihidu baunya.

[19] Fakta-fakta ini juga diambil secara "kumulatif" maka ia telah membuktikan bahawa tertuduh sememangnya mempunyai pengetahuan mengenai jenis barang yang beliau bawa pada malam itu, iaitu dadah berbahaya. Oleh itu saya berpuas hati bahawa elemen pemilikan dan pengetahuan ini telah dibuktikan oleh pendakwaan.

[20] Pihak pendakwa melalui P17 telah membuktikan bahawa berat bersih dadah 2,060.2 gram. Dan sepertimana tersebut di dalam ucapan pembukaan pihak pendakwaan tertuduh dituduh mengedar dadah jeinis cannabis seberat 2,060.2 gram dan pembuktian pengedaran adalah bergantung kepada keterangan langsung dan mengikut keadaan menurut s. 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952, tertuduh patut didapati mengedar dadah tersebut.

[21] Dengan merujuk kepada kes *Ong Ah Chuan v. PP & Koh Chai Cheng v. PP* [1980] 1 LNS 181, saya berpuas hati bahawa pengedaran telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan berdasarkan keterangan bahawa ketika ditangkap tertuduh sedang membawa dadah tersebut untuk tujuan pengedaran menurut tafsiran di bawah s. 2 Akta Dadah Berbahaya, juga melalui inferen dari segi berat dadah yang ditemui daripada tertuduh melebih jumlah berat minimum 200 gram.

[22] Berdasarkan kepada alasan-alasan ini saya berpuas hati mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes melampaui keraguan munasabah ke atas tertuduh dan sekiranya tidak dipatahkan dengan keterangan sebaliknya tertuduh boleh disabitkan di atas pertuduhan yang dikenakan ke atasnya.

[23] Tertuduh dengan ini dipanggil untuk membela diri atas pertuduhan di bawah s. 39B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952.

[24] Di dalam keterangan membela dirinya atas sumpah tertuduh memberikan keterangan berikut:

(a) Tertuduh masuk ke Malaysia secara haram, beliau tidak mempunyai passport; di Malaysia beliau telah berkenalan dengan seorang rakyat Indonesia bernama Rosman bin Abdullah yang berkerja di syarikat yang sama dengannya, tetapi beliau tidak ingat nama syarikat itu. Di Malaysia beliau tinggal serumah dengan Ah Lek, Ah Meng, Ah Kai dan Ah Seng.

(b) Pada 10 Mac 2004 jam lebih kurang 11 malam beliau telah ditangkap oleh polis bersama-sama dengan Rosman bin Abdullah selepas beliau bertemu dengan Rosman di sebuah restoran mamak berdekatan dengan tempat tinggal mereka.

(c) Keterangan tertuduh lagi ialah pada petang hari kejadian beliau telah menelefon Rosman jam 5 petang melalui telefon awam, untuk meminjam wang RM200 daripada Rosman untuk membayar sewa rumah. Dalam perbualan itu Rosman meminta beliau menunggu di restoran mamak itu pada jam 10 malam.

(d) Namun selepas bertemu dengan Rosman, wang RM200 tidak diberikan kepada tertuduh, sebaliknya Rosman berkata wang RM200 itu akan diserahkan apabila mereka sampai di rumah Rosman.

(e) Selepas itu mereka keluar daripada restoran itu dan Rosman meminta beliau membawa sebuah beg plastik putih; sama dengan eks. P16. Tanpa memeriksa isi kandungan beg plastik itu mahupun bertanya kepada Rosman isi kandungannya, tertuduh telah membawa beg tersebut. Alasan yang diberikan ialah beliau percaya kepada Rosman dan kandungan beg itu pula adalah "barang baik" bukan barang salah. Mengenai perkara ini juga, tertuduh mengatakan bahawa sebelum ini pun beliau pernah membawa barang-barang Rosman, dan semuanya baik-baik sahaja.

(f) Ketika disoal oleh peguambelanya, tertuduh mengatakan beliau tidak tahu bagaimana bentuk cannabis dan baunya.

(g) Mereka kemudian keluar daripada restoran itu, dan atas arahan Rosman, tertuduh telah berjalan di hadapan. Ketika mereka berjalan, terdapat beberapa orang di hadapan mereka, masa itu menurut tertuduh, Rosman mengesyaki sesuatu dan meminta tertuduh berlari dan membuang beg tersebut. Menurut tertuduh, oleh kerana beliau menyangka mereka itu perompak beliau pun terus melarikan diri, dia juga takut sebab tiada dokumen perjalanan yang sah; Rosman juga turut sama berlari.

(h) Apabila disoal lagi oleh peguamnya, tertuduh mengatakan beliau takut kepada perompak yang juga polis, katanya seperti berikut:

S : Mana satu sebab yang membuatkan kamu lari?

J : Takut perompak, tiada passport dan perompak itu juga adalah polis.

(i) Apabila beliau melihat Rosman berlari, beliau pun berlari dan membuang beg itu untuk menyelamatkan diri. Beliau buang beg plastik itu setelah disuruh oleh Rosman.

(j) Selepas itu menurut tertuduh dia telah bergelut dengan orang-orang itu sebab mereka tidak memperkenalkan diri sebagai polis. Bagaimanapun beliau berkata selepas itu dia dan Rosman telah ditangkap.

(k) Beg itu telah dibuka oleh pihak polis tetapi menurut tertuduh beliau tidak melihat isi kandungan beg itu, sebab jarak beliau dan beg itu adalah 8 meter pada anggaran beliau.

(l) Di balai polis Rosman memberitahunya bahawa beg yang dia bawa tadi mengandungi dadah, Rosman meminta maaf daripadanya, tertuduh telah memarahi Rosman di Balai Polis dan juga di penjara Sg. Buloh kerana dia telah dikhianati oleh Rosman.

(m) Rosman selepas itu telah dibebaskan dan pulang ke Acheh, Indonesia, tetapi beliau tidak mengetahui alamat tepat Rosman di Acheh.

A (n) Sebelum mengakhiri keterangannya, tertuduh mengatakan sekali lagi bahawa beliau tidak mengetahui kandungan beg plastik itu dan pemilik beg adalah Rosman, beliau juga mengatakan yang beliau tidak mengedar dadah tersebut pada malam itu.

B **[25]** Tertuduh telah disoal balas oleh Timbalan Pendakwa Raya (TPR), dan antara intipati keterangan tertuduh ketika disoal balas adalah berikut:

(a) Rosman adalah kawan baiknya dan mereka cukup rapat; tidak pernah bergaduh.

C

(b) Pada malam itu mereka berjumpa kerana tertuduh hendak pinjam wang RM200 daripada Rosman untuk bayar sewa rumah; tetapi Rosman tak memberi wang itu di restoran.

D (c) Selepas minum Rosman telah serahkan beg itu kepadanya dan beliau membawanya. Selepas 4 meter keluar daripada restoran beliau telah ditangkap.

(d) Tertuduh telah bersetuju dengan cadangan TPR mengenai perkara-perkara berikut:

E

(i) Rosman boleh membawa beg itu sendiri sebab tiada barangan lain yang dibawa olehnya. Tetapi Rosman suruh dia bawa.

F (ii) Jika mereka berjalan seiringan pun Rosman boleh memberikan perlindungan kepadanya; tetapi beliau berjalan di depan kerana disuruh oleh Rosman.

(iii) Pada malam itu tertuduh melakukan semua yang disuruh oleh Rosman.

G

(iv) Beliau takut, tetapi masih berjalan di hadapan kerana disuruh oleh Rosman.

(v) Beliau ada mengesyaki lelaki-lelaki itu adalah polis.

H

(vi) Tertuduh bersetuju dia lari dan sambil membuang beg plastik putih itu.

(vii) Sebelum ini juga tertuduh pernah membawa barang-barang Rosman, nampak seperti roti, apabila di soal lanjut beliau berkata dia tak pernah membawa apa-apa barang kepunyaan Rosman.

I

(viii) Beg itu boleh dibuka jika dia mahu. Beliau tidak dipaksa untuk membawanya. A

(ix) Benda yang dibawa bukanlah ringan.

(x) Beliau biasa berjalan dengan Rosman di mana dia akan berjalan di hadapan dan Rosman di belakang. B

(xi) Beliau ditangkap semasa melepaskan beg ke bawah dan sebelum itu ada memegang beg itu.

(e) Tertuduh juga telah menafikan beberapa cadangan yang diajukan oleh TPR ketika disoal balas di antaranya ialah: C

(i) Perbualan mengenai meminjam wang RM200 dari Rosman.

(ii) RM200 itu bukanlah upah untuk membawa beg itu.

(iii) Beliau bukan orang suruhan Rosman. D

(iv) Untuk membawa barang Rosman tak perlu melihat kandungannya, sebab beliau percaya kepada Rosman.

(v) Mengetahui kandungan dalam beg plastik putih itu adalah dadah. E

(vi) Berlari apabila polis memperkenalkan diri mereka sebagai polis.

(vii) Barang itu tidak diserahkan oleh Rosman kepadanya. F

(viii) Barang kes itu milik beliau.

(ix) Beliau mempunyai kawalan ke atas dadah merbahaya itu.

[26] Ketika disoal semula tertuduh telah menjelaskan perkara-perkara berikut: G

(a) Wang itu berada di rumahnya maka dia tidak diserahkan di restoran mamak tersebut.

(b) Beliau disuruh oleh Rosman berjalan di hadapan dan tidak tahu sebab apa. H

(c) Dia ikut arahan Rosman sebab dia ingin pinjam wang daripada Rosman.

(d) Dia pernah menolong Rosman, tapi bukan untuk bawa beg seperti itu. I

A (e) Beliau tidak periksa kandungan beg itu sebab percaya kepada Rosman.

(f) Percakapan kepada polis yang dibuatnya, adalah tidak dengan sukarela sebab dipukul.

B **[27]** Di atas adalah keterangan tertuduh secara teliti, kelihatan keterangan tertuduh ini banyak melemparkan beban kepada Rosman bin Abdullah, dan pembelaan tertuduh juga menghujahkan bahawa di atas kegagalan pihak pendakwaan memanggil Rosman bin Abdullah sebagai saksi mereka, tiada kes *prima facie* telah C dibuktikan oleh pendakwaan terhadapnya.

[28] Adalah undang-undang yang mantap bahawa beban pembuktian di dalam kes jenayah secara keseluruhannya terletak di atas bahu pihak pendakwaan bagi membuktikan melampaui D keraguan yang munasabah keberkesalahan tertuduh atas kesalahan yang dipertuduhkan ke atasnya. Manakala tiada beban atas tertuduh bagi membuktikan ketidakbersalahan beliau. Beliau dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan sebaliknya, tugas atas tertuduh adalah untuk menimbulkan satu keraguan yang E munasabah terhadap kes pendakwaan. Rujuk kes-kes seperti berikut:

(a) *Mohamad Radhi bin Yaakob v. PP* [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311.

F (b) *Saminathan & Ors v. PP* [1955] 21 MLJ 121.

(c) *Yau Heng Fang v. PP* [1985] 2 CLJ 22; [1985] CLJ (Rep) 350.

G (d) *Wong Chooi v. PP* [1967] 1 LNS 207.

[29] Tugas mahkamah di akhir kes pembelaan adalah sepertimana yang diputuskan di dalam kes *Mat v. PP* [1963] 29 MLJ 263, di mana satu ujian undang-undang yang mantap telah digariskan. Untuk melepasi ujian-ujian di atas perkara-perkara berikut H hendaklah dilakukan oleh seseorang hakim, iaitu;

(a) Kes pembelaan hendaklah dikaji, diteliti dan dinilai sekiranya keterangan tertuduh tidak diberikan dengan bersumpah; dan

I (b) Kes pembelaan yang diberi di atas sumpah hendaklah diberikan pertimbangan yang wajar,

Rujuk kepada kes-kes: A

i) *PP v. Low Say Seek & Ors* [1971] 1 MLJ 199.

ii) *Shanmugam v. PP* [1962] 1 LNS 186.

iii) *Dato' Mokhtar Hashim & Anor v. PP* [1983] 2 CLJ 10; [1983] CLJ (Rep) 101. B

[30] Selepas itu hakim hendaklah kembali untuk meneliti keseluruhan kes pendakwaan bagi memenuhi prinsip utama mengenai beban pembuktian yang masih terletak di atas bahu pendakwaan sepanjang kes berlaku. Asas ini dirujuk kepada keputusan kes *Nagappan Kuppusamy v. PP* [1988] 1 CLJ 283; [1988] 1 CLJ (Rep) 229 di mana petikan berikut diperturunkan: C

> ... Here, we have to go back to first principles. In a criminal proceeding, the onus on the prosecution throughout is to prove beyond reasonable doubt from the beginning to the end, the burden remains on the prosecution to prove the guilt of the accused. At the close of the whole case, the Court has to consider all the evidence adduced by both the prosecution and the defence and has to be satisfied that the case has been proved beyond reasonable doubt. D E

Seterusnya di dalam kes ini diputuskan juga berikut:

> In other words, at the close of the whole case, the court has to consider all the evidence before it whether they satisfy all the ingredients of the offence. If upon the whole evidence the Court is left in a real state of doubt, the prosecution is said to have failed to satisfy the onus of proof which lies upon it. F

Rujuk juga keputusan di dalam kes *Saminathan v. PP* [1955] 21 MLJ 121 di ms 124. G

[31] Persoalan sekarang adalah melalui keterangan bersumpah tertuduh, beliau telah berjaya menimbulkan satu keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan dan adakah melalui keterangan itu tertuduh telah cukup menyakinkan mahkamah mengenai ketidakberkesalahan beliau? H

[32] Sepertimana dinyatakan di atas peguambela yang bijaksana telah berhujah bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap tertuduh, khususnya mengenai pemilikan dan pengetahuan tertuduh ke atas dadah cannabis tersebut; oleh I

itu pihak pendakwaan tidak berhak untuk menggunapakai anggapan pengedaran di bawah s. 37(da) Akta tersebut. Pemilikan menurut beliau adalah "actual possession" dan "*mens rea* possession".

[33] Hujah beliau selanjutnya ialah pendakwa hanya bergantung kepada keterangan SP4 dan SP6 sahaja bagi membuktikan pemilikan, iaitu mereka hanya melihat tertuduh membawa beg plastik putih (eks. P16) dan melepaskannya dan cuba melarikan diri apabila dihampiri oleh pasukan polis bagi membuktikan pengetahuannya, akan tetapi menurut peguambela lagi, kedua-dua SP4 dan SP6 tidak mengetahui apa-apa yang berlaku sebelum tertuduh ditangkap sama ada tertuduh telah membuka beg itu atau tidak begitu juga tiada barangan peribadi tertuduh di dalam beg itu.

[34] Seterusnya hujah beliau lagi bahawa keterangan dari saksi Rosman adalah relevan dan penting bagi menentukan hala tuju keputusan kes ini; kerana kehadiran Rosman bin Abdullah di tempat tertuduh ditangkap adalah tidak dipertikaikan oleh pihak pendakwaan, andaian ini boleh menunjukkan bahawa Rosman adalah orang yang mempunyai kawalan dan pengetahuan ke atas dadah cannabis tersebut (eks. P16), Rosman juga telah mengarahkan tertuduh membawa beg itu, Rosmanlah yang telah memperdaya dan menganiayai tertuduh; seterusnya tertuduh tiada mempunyai pengetahuan terhadap kewujudan dadah itu ditangannya.

[35] Menurut beliau lagi bukan sahaja Rosman tidak dipanggil memberikan keterangan tetapi statementnya (di bawah s. 112 CPC) juga tidak dikemukakan selaras dengan s. 32(9)(1) Akta Keterangan 1950; oleh itu perbuatan pendakwaan ini telah memprejudiskan tertuduh.

[36] Hujah beliau lagi bahawa tertuduh jelas dipergunakan oleh Rosman; yang mengambil kesempatan daripada kebodohan dan keadaan yang dialami oleh tertuduh untuk meminjam wang daripada Rosman.

[37] Beliau berhujah bahawa fakta-fakta berikut tidak menyokong kes pendakwaan, di antaranya:

(a) Tiada kesan cap jari tertuduh atas P16.

(b) Tiada pemeriksaan ke atas pakaian tertuduh dibuat sejurus selepas beliau ditangkap.

(c) Dua ketulan mampat itu dibalut dengan aluminium foil bukan plastik lutsinar yang mana tertuduh boleh melihatnya walaupun beg plastik itu dibuka.

(d) Tiada elemen pengetahuan kerana tiada keterangan tertuduh ada membuka beg plastik itu untuk memeriksanya.

(e) Tertuduh telah diserbu pada waktu malam, dalam keadaan itu sesiapa sahaja akan melarikan diri.

(f) Rosman telah gagal dipanggil bagi mematahkan keterangan tertuduh dalam membela dirinya.

(g) Tiada sampel keratan kuku tertuduh diambil.

(h) Tiada pembuktian mengenai "*mens rea* possession" sebab tertuduh tidak mengetahui kandungan beg plastik putih itu.

(i) Alat penimbang berat dadah tidak dikalibrasikan oleh ahli kimia (SP3) sendiri.

(j) Ujian tidak dilakukan oleh SP3 ke atas keseluruhan dadah tersebut.

(k) Pengakuan Rosman kepada tertuduh dan permohonan maaf Rosman daripada tertuduh mengenai dadah itu.

(l) Kegagalan pendakwaan untuk memanggil saksi penting Rosman bin Abdullah telah memprejudiskan tertuduh.

(m) Siasatan polis yang tidak lengkap; tiada tindakan dibuat untuk menahan Rosman daripada dihantar balik ke Indonesia – Seksyen 396 CPC telah gagal dimanfaatkan oleh pendakwaan.

[38] Hujah-hujah di atas adalah tidak asing lagi di dalam kes ini, ia telah dikatakan dengan panjang lebarnya di akhir kes pendakwaan. Walaupun pembelaan mengenai pembabitan Rosman bin Abdullah bukanlah terasing, kerana ia telah ditimbulkan pada peringkat kes pendakwaan lagi, akan tetapi semasa keterangan membela dirinya tertuduh nampaknya melontarkan kesemua liabiliti, khususnya kes *prima facie* yang diputuskan oleh ahkamah di akhir kes pendakwaan kepada Rosman bin Abdullah sahaja.

[39] Adalah benar bahawa watak Rosman bin Abdullah adalah bukannya satu watak imaginasi, ini tidak dipertikaikan oleh pihak pendakwaan; malah mereka mengakui Rosman bin Abdullah juga

turut ditangkap dan dituduh bersama-sama dengan tertuduh pada peringkat awal kes ini, bagaimanapun beliau telah dibebaskan kemudian dan dihantar pulang ke negara asalnya.

[40] TPR yang bijaksana telah berhujah bahawa pembelaan tertuduh semata-mata "after thought" dan rekaan beliau sahaja; ini adalah perkara-perkara baru yang tidak timbul ketika kes pendakwaan.

[41] Tugas atau beban di atas tertuduh ialah bagi menimbulkan satu keraguan yang munasabah, tiada beban di atasnya untuk membuktikan bahawa beliau tidak bersalah. Saya merujukkan kepada kes *Saminathan v. PP* [1955] 21 MLJ 121 di ms 124, Bahagian J berkata:

> The fundamental principle in criminal cases is that there is a burden on the prosecution, which never shifts to prove its case, it is not upon the accused to prove his innocent and in that sense the burden on the defence is not as high as that of the prosecution ...

[42] Di dalam kes *Yau Heng Fang v. PP* [1985] 2 CLJ 22; [1985] CLJ (Rep) 350 dipetik YA hakim berkata seperti berikut:

> In all criminal trial accused is deemed to be innocent until proven guilty ... there is no burden placed on the accused to prove his innocence.

[43] Kes *Wong Chooi v. PP* [1967] 1 LNS 207 pula dipetik seperti berikut:

> Where a burden is placed on the accused person to prove anything, by statute or common law, the burden only a slight one.

Rujuk juga kepada kes berikut:

Megat Halim Megat Omar v. PP [2009] 1 CLJ 154.

[44] Versi tertuduh di atas, walaupun telah dikemukakan seawal dalam kes pendakwaan lagi, akan tetapi versi-versi itu tidak diletakkan atau dicabar kepada saksi-saksi pendakwaan, sebagai contoh mengenai arahan-arahan yang diberikan kepada tertuduh oleh Rosman bin Abdullah. Dan saya percaya seandainya Rosman bin Abdullah dipanggil untuk memberikan keterangan pun versi-versi ini adalah tidak munasabah dan tidak logik kerana ia adalah semata-mata satu keterangan "after thought" dan rekaan tertuduh semata-mata.

[45] Tertuduh di dalam keterangannya tidak dapat mengingati beberapa perkara penting, seperti tempat beliau bekerja, berapa kali beliau telah diminta membawa barang-barang Rosman, sekurang-kurangnya secara kasar, dan apabila ditanya selanjutnya tertuduh berkata dia tidak pernah sama sekali membawa apa-apa barang Rosman, walaupun sebelum itu beliau berkata ada membawa barang-barang Rosman dalam bentuk roti dan sebagainya. Ini menunjukkan tertuduh hanya memilih keterangan yang menguntungkan beliau dan mengelak menjawab soalan-soalan yang melibatkan beliau di dalam kes ini. Maka "demeanour" beliau sebagai seorang "truthful witness" adalah diragui oleh saya.

[46] Persoalan dalam keterangan tertuduh yang mengatakan polis itu perompak juga adalah tidak masuk akal, jauh daripada kenyataan, saya berpendapat tiada alasan bagi SP4 dan SP6 untuk berbohong di dalam keterangan mereka, tambahan pula di dalam kes yang melibatkan hukuman mati. Rujuk kepada kes *PR v. Abdul Latif bin Sakimin* [2005] 6 MLJ 351.

[47] Mengenai saksi Rosman bin Abdullah, saya berpuas hati walaupun telah dibuktikan bahawa pada malam itu beliau telah turut ditangkap bersama-sama tertuduh akan tetapi tiada keterangan yang menunjukkan bahawa beliau memiliki dadah tersebut. Ekshibit P16 pada masa serbuan jelas dibawa oleh tertuduh ini tidak dipertikaikan oleh pihak pembelaan; apakah keterangan yang lebih baik daripada itu bagi membuktikan pemilikan oleh tertuduh?

[48] Manakala pengetahuan tertuduh pula telah dapat diserlahkan daripada tindakan beliau yang melepaskan beg itu dan cuba melarikan diri daripada ditangkap oleh pasukan polis; walaupun tertuduh menjelaskan tindakannya itu ketika membela diri, akan tetapi penjelasan itu bukanlah merupakan satu "credible evidence", yang boleh dipercayai, dan jelas merupakan suatu keterangan "after thought".

[49] Mengenai hujah peguambela bahawa siasatan tidak lengkap oleh kerana tiada pemeriksaan dibuat ke atas pakaian tertuduh, tiada sampel kuku tertuduh diambil, penganalisaan ahli kimia yang tidak menyeluruh dan timbangan berat dadah dari penimbang yang tidak dikalibrasi oleh SP3 sendiri, tiada kesan cap jari tertuduh, isu-isu ini telah pun diputuskan pada akhir kes pendakwaan lagi. Lagi pun saya ingin menambah bahawa tiada wujud satu peraturan yang begitu ketat di dalam membuktikan kesalahan pengedaran dadah.

Saya berpendapat ia memadai dengan membuktikan elemen pemilikan dan pengetahuan; seterusnya menerima anggapan di bawah s. 37(d) Akta tersebut.

[50] Adakah versi tertuduh telah berjaya menimbulkan "reasonable doubt". "Reasonable doubt" telah dijelaskan dengan panjang lebar di dalam kes berikut; *K. Gopala Reddu v. State of Andhra Pradesh* [1979] SCO (CR) 310:

> ... reasonable doubt does not mean some light airy, in substantial doubt that may fit through the minds of any of us about almost anything at some time or the other, it does not mean a doubt begotten by sympathy out of reluctance to evict, it means a real doubt, **doubt founded upon reasons.**

[51] Di dalam kes *PP v. Teh Eng Wah* [1999] 8 CLJ 451 dikatakan "a reasonable doubt is where the evidence is credible probable, plausible or logical ..."

Rujuk juga kepada keputusan kes *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85.

[52] Dengan berpandukan kepada keputusan *Nagappan Kuppusamy v. PP* [1988] 1 CLJ 283; [1988] 1 CLJ (Rep) 229 di atas saya telah menilai dengan menyeluruh kesemua keterangan kes pendakwaan dan keterangan membela diri tertuduh saya berpuas hati bahawa versi tertuduh telah gagal untuk menimbulkan satu keraguan yang munasabah dan menyangkal anggapan di bawah s. 37(da) Akta Dadah Merbahaya 1952.

[53] Dengan berpandukan kepada keputusan kes *Mat v. PP* saya berpuas hati mendapati tertuduh bersalah dan disabitkan dengan kesalahan sepertimana di dalam pertuduhan ke atasnya.

[54] Tertuduh telah dijatuhkan hukuman gantung sampai mati.